



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM ADVOKASI KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK

LOKASI / TARIKH / MASA

**SMK BANDAR BARU SAMARIANG, SANTUBONG, KUCHING
4 DISEMBER 2023 (ISNIN)
8.00 PAGI**

Kemaskini 3 Disember 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
& Selamat Pagi Semua

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana di bawah rahmat dan inayahNYA, kita dapat berkumpul dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak** pada pagi ini.
2. Saya juga ingin ucapkan Selamat Hari Kanak-Kanak kepada semua. Tema Hari Kanak-Kanak kita tahun ini adalah “**Hak Kami, Masa Depan Kami**” oleh itu, kita akan belajar tentang hak kanak-kanak.

3. Tahukah anda yang setiap anak di Malaysia berhak untuk dilindungi dan hidup dengan aman? Kita juga mempunyai undang-undang khusus di Malaysia yang menjaga hak kanak-kanak. Ada **empat hak utama** yang penting:

- a. hak untuk hidup,
- b. perlindungan,
- c. perkembangan,
- d. penyertaan.

4. Oleh itu, sekiranya mana-mana empat hak ini tidak diberikan atau dijaga, adik-adik semua sebagai kanak-kanak, mempunyai hak untuk menyuarakan dan meminta bantuan daripada orang dewasa, seperti cikgu atau ibu bapa. Kalau ada yang perlu bantuan, kalau anak-anak rasa tak pasti, kalau anak-anak rasa tak berani, jangan malu dan jangan takut nak minta tolong. **Boleh call nombor 15999 (Satu - Lima - Sembilan - Sembilan - Sembilan)**. Boleh ulang tak bersama saya? 15999. Bagus, terima kasih.

5. Ingat, kita semua ada hak untuk dilindungi. Jaga diri dan kawan-kawan kita! Kalau ada kawan yang susah atau tidak selamat, cepat-cepat beritahu orang dewasa yang boleh membantu. Kita semua harus tolong jaga kawan-kawan kita.

Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kanak-Kanak

Puan-puan dan Tuan-Tuan,

6. Masyarakat harus tahu apa yang perlu dilakukan jika tahu ada kanak-kanak yang mengalami penderaan atau pengabaian. Jika melihat sesuatu yang mencurigakan, laporkan segera kepada polis atau Talian Kasih di 15999. Jangan hanya rakam video untuk media sosial, tapi laporkan kepada kami.

Penghargaan

Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

7. Saya bagi pihak KPWKM berharap kehadiran puan-puan dan tuan-tuan serta setiap anak murid dapat membantu dalam meningkatkan keselamatan anak-anak kita semua.

8. Besar harapan KPWKM juga agar kita bersama-sama mencari solusi yang tepat dalam mengatasi permasalahan sosial berkaitan kanak-kanak serta menjaga keselamatan dan melindungi kanak-kanak agar dapat mengekang peningkatan kes penderaan dan

pengabaian kanak-kanak pada masa hadapan.

9. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Urus Setia, JKM Negeri di atas penganjuran program ini dan jutaan terima kasih kepada semua yang dapat hadir bersama.
10. Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang sudi berkolaborasi dengan kami di KPWKM dan JKM dalam realisasikan program ini.

PENUTUP

11. Saya amat berterima kasih diatas jasa dan pengorbanan tuan/puan sebagai guru dan juga ahli masyarakat sentiasa bertanggungjawab dan amanah dalam tugas masing-masing dan ditambah lagi dengan kepekaan semua dalam isu-isu kanak-kanak.

12. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak

yang terlibat dalam program ini. Semoga pertemuan kita ini memberikan suntikan semangat kepada anda semua dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diberi keutamaan.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Peringkat Negeri Sarawak.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
4 Disember 2023